

industri. Kami adalah badan berkanun yang mempunyai kuasa menyasiat serta menguatkuasakan undang-undang persaingan.

**S: Mengapa perlu ada MyCC sedangkan banyak isu boleh dirujuk kepada setiap kementerian atau agensi berkaitan?**

**J:** MyCC unik dalam tugasannya untuk memastikan pasaran kompetitif dan bebas daripada gangguan serta ketidakcekapan. Seperti negara lain, agensi persaingan diperlukan dan Malaysia antara negara yang baru memperkenalkan undang-undang ini. Memang benar, kebanyakan isu di Malaysia boleh dirujuk kepada kementerian atau agensi kerajaan berkenaan, namun apabila membabitkan persaingan, MyCC adalah pihak berkuasa yang menerajui isu ini di Malaysia.

Kami mempunyai kapasiti dan kemahiran isu persaingan berbanding badan kerajaan lain, menerusi latihan berterusan, hubungan antarabangsa yang kukuh, perkongsian pengetahuan bersama pakar ilmu persaingan, latihan pegawai yang mempunyai ilmu berkaitan dan menguatkuasaan AP 2010 yang berterusan.

**S: Bagaimana MyCC melihat isu untuk disiasat dan sejauh mana bidang kuasa MyCC?**

**J:** Menurut Seksyen 3 AP 2010, MyCC mempunyai bidang kuasa dalam apa-apa aktiviti komersial, sama ada dalam atau luar negara. Siasatan boleh dimulakan melalui tiga cara iaitu aduan, arahan menteri dan atas inisiatif sendiri. Setiap aduan atau isu diterima perlu melalui proses penilaian dan taksiran teliti oleh pegawai, sebelum penyiasatan dijalankan. Kemudian ia akan diperincikan anggota suruhanjaya dan jika diputuskan mempunyai isu persaingan, baru pe-

## Soal Jawab

nyiasatan dimulakan.

Namun, penyiasatan juga dijalankan mengikut keutamaan berdasarkan kesan kepada pengguna. Ini bagi memastikan setiap penyiasatan dapat dijalankan dengan efisien dan tertumpu. Namun, terdapat empat sektor dikecualikan daripada AP 2010, dengan pengawal selia sektor masing-masing diberikan kuasa oleh akta mereka untuk mengawal selia isu persaingan. Empat sektor itu meliputi aktiviti komersial berkaitan multimedia dan telekomunikasi (dikawal selia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia), penerbangan (dikawal selia Suruhanjaya Penerbangan Malaysia), tenaga (dikawal selia Suruhanjaya Tenaga), mengeksplorasi, mengeksploitasi, mendapatkan dan memperoleh petroleum (dikawal selia PETRONAS).

Jika MyCC menerima aduan berkaitan empat sektor ini, kami akan hubungi pengawal selia sektor terbabit untuk mengambil maklum permasalahan dalam isu berkenaan.

**S: Adakah kuasa MyCC mencakupi pendakwaan di mahkamah?**

**J:** AP 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (ASP 2010) memberikan kuasa kepada MyCC sebagai kuasa separa-kehakiman. MyCC mempunyai kuasa untuk memberikan keputusan cadangan, selain keputusan akhir dan menguatkuasakan keputusan. Dalam kata lain, polis, pendakwara dan hakim, semuanya di

bawah satu bumbung. Jika pihak yang dikenakan tindakan oleh MyCC ingin membuat rayuan, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan. Proses ini boleh diteruskan ke peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

Pada peringkat Mahkamah Tinggi, MyCC sudah menerima dua sokongan keputusan yang dikeluarkannya dalam kes MAS dan AirAsia serta kes MyEG. Kedua-dua kes ini sudah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan untuk proses seterusnya.

**S: Sejauh mana kerjasama diterima MyCC dalam proses siasatan?**

**J:** Kelebihan MyCC adalah rangkaian kerjasama yang luas di dalam dan luar negara. Menerusi program advokasi, perhubungan antarabangsa, sesi libat urus dan perjanjian persefahaman bersama badan kerajaan, persatuan perusahan, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan antarabangsa, MyCC mempunyai sumber dan kapasiti menjalankan siasatan tahap tertinggi.

**S: Tentu MyCC berdepan cabaran melengkapkan siasatan?**

**J:** Fungsi MyCC tidak terhad kepada penyiasatan kes, tetapi turut merangkumi fungsi lain seperti menjadi penasihat isu persaingan, mengeluarkan garis panduan berkaitan undang-undang persaingan, menjalankan kajian pasaran dan mendidik orang awam mengenai kepentingan persaingan melalui program advokasi. Setiap fungsi MyCC mempunyai cabaran tersendiri.

Setiap kes disiasat mempunyai kesukaran berbeza, bergantung kerjasama pihak yang terbabit

dan maklumat yang kami peroleh. Tipuan bida sebagai contoh antara kes yang sukar untuk dibuktikan dan memakan masa lama untuk mengumpul bukti substantif bagi membuat keputusan cadangan. Begitu juga kesalahan menyalah guna kuasa dominan atau monopoli, di mana pihak penyasatan perlu membuktikan menggunakan bukti analisis atau perangkaan berteraskan konsep ekonomi. Faktor ini penting dalam menentukan bagaimana ia boleh memudaratkan pengguna menerusi *theory of harm*. Faktor ini juga diguna pakai MyCC dalam memberi nasihat berkaitan persaingan.

**S:** Sejauh mana kesedaran awam mengenai kewujudan MyCC dan akta dikuatkuasakan?

**J:** Ketika ini, masyarakat masih belum sedar kewujudan dan kepentingan MyCC seperti agensi kerajaan lain. Tambahan lagi, undang-undang persaingan baharu di Malaysia. Jadi, MyCC bertungkus-lumus memastikan kesedaran orang awam terus meningkat melalui program advokasi di seluruh negara. Sejak awal penubuhan, kita sudah menjalankan lebih 272 program advokasi membabitkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. MyCC juga menerbitkan 10 garis panduan berkaitan persaingan sebagai panduan orang awam seperti perusahaan untuk memahami dan patuh pada undang-undang persaingan sedia ada, serta bagaimana membantu mengesan dan melaporkan perilaku yang melanggar AP 2010.

MyCC ingin mengucapkan terima kasih kepada media terutama BH atas liputan meluas dalam melaporkan Kajian Pasaran MyCC ke atas Sektor Makanan

awal bulan ini. Kajian Pasaran secara mendalam itu memakan masa selama sembilan bulan bermula November 2018 dan membabitkan pelbagai pihak. Melalui Kajian Pasaran ini, kita mengenal pasti punca harga barangan yang mahal dalam lima jenis makanan iaitu daging, ikan kembung, rumusan bayi, sawi dan kubis bulat. Hasilnya, kita mengemukakan pelbagai cadangan penambahbaikan dalam sektor makanan kepada kerajaan selari inisiatif kerajaan untuk menurunkan kos sara hidup rakyat.

**S:** Bagaimana penerimaan berhubung hasil laporan dibentangkan itu?

**J:** Amat memberangsangkan. Terima kasih kepada KPDNHEP kerana memberikan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan kajian semula pasaran ini, begitu juga pihak media. Alhamdulillah, maklum balas kami terima sejak sesi konsultasi awam pada Jun 2018 positif dan membangun. Majoritinya menyatakan kepentingan laporan ini dalam merencana langkah seterusnya bagi mencari penyelesaian terbaik bagi isu diketengahkan. Tugasan MyCC belum selesai, proses seterusnya adalah lebih lagi sesi libat urus bersama pemegang taruh bagi menggerakkan cadangan yang dibentangkan di dalam laporan itu.

**S:** Bagaimana dengan kekuatan keanggotaan MyCC?

**J:** Pegawai MyCC mempunyai pelbagai latar belakang, namun tertumpu kepada dua yang utama iaitu perundangan dan ekonomi, yang menjadi teras kepada pembentukan MyCC itu sendiri. Tugas utama MyCC untuk menyasat dan menguatkuasakan undang-undang berdasarkan AP 2010 dan majoriti pegawai di bahagian ini adalah lulusan sarjana undang-undang. Fungsi menjalankan kajian semula pasaran, memproses permohonan pengecualian blok dan individu memerlukan kepakaran dalam bidang ekonomi yang kukuh, jadi pegawai dalam bidang ini kebanyakannya mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkenaan ekonomi yang mampan. Tugasan lain MyCC termasuk menasihati badan kerajaan, menasihati perjanjian antarabangsa, dan mendidik orang awam mengenai isu persaingan dan manfaatnya.